



NESPRESSO DAN CHIARA FERRAGNI MEMULAKAN PERJALANAN PENUH PENEROKAAN, DIINSPIRASIKAN OLEH CINTA ITALI TERHADAP KOPI

*Nespresso mengembangkan rangkaian *Ispirazione Italiana* dengan koleksi edisi terhad yang direka bersama dengan ikon fesyen Itali itu, diilhamkan oleh budaya kopi negara tersebut yang pancawarna.*

Kuala Lumpur, 7 Februari 2023 – **Nespresso** memulakan tahun baharu dengan penuh gaya bersama ikon fesyen Itali, Chiara Ferragni, yang telah memulakan sebuah perjalanan penuh penerokaan melalui cinta beliau terhadap kopi dengan sebuah siri filem pendek empat bahagian. Diinspirasi oleh rasa lazat dan tradisi kopi serantau Itali, Chiara, bersama-sama dengan **Nespresso**, telah menghasilkan sebuah koleksi edisi terhad yang mengembangkan lagi rangkaian *Ispirazione Italiana* dengan pelancaran kopi *Milano Intense*, aksesori, serta sebuah mesin kopi yang memberi penghormatan kepada suasana bandar dan tempo kontemporari bandar Milan.

Bersama ahli sejarah terkenal, Filippo Cosmelli, Chiara memulakan pengembaraan beliau dengan mempelajari sejarah menarik budaya kopi Rom dan tradisi serta kreativiti bandar indah tersebut. Bersama-sama, mereka berdua melawat pelbagai lokasi ikonik, termasuklah *Antico Caffè Greco* di mana mereka menikmati espresso Roma dan meneroka tradisi memanggag gaya Itali. Perjalanan Chiara diteruskan ke seluruh bandar Milan, inspirasi sebenar di sebalik rekaan, rasa, dan nota kopi *Milano Intense*, yang berasal daripada lokasi bersejarah seperti Villa Necchi, Palazzo Montedoria dan Gereja Duomo. Menara-menara emas Duomo dan rekaan khas geometrik hijau gelap dengan aksen emas Villa Necchi boleh dilihat dalam koleksi edisi terhad tersebut, menyatukan para peminat kopi di serata dunia dengan keanggunan abadi dan suasana klasik.



Chiara menikmati secawan *Milano Intenso* di *Antico Caffè Greco*.

Mengulas mengenai kerjasama beliau dengan Nespresso, Chiara Ferragni berkata: “Cinta saya terhadap kopi dan Itali tidak mengenal batasan, oleh itu saya teruja dapat bekerja sama sekali lagi

NESPRESSO

dengan keluarga **Nespresso** yang saya hormati untuk menghasilkan koleksi edisi terhad ini. Rangkaian terbaharu ini diilhamkan oleh kreativiti dan budaya Milan yang kaya, dan saya sangat gembira dapat menghasilkan kopi yang penuh kelazatan dengan aksesori dan mesin yang cantik untuk dinikmati para penggemar kopi di mana sahaja mereka berada.”


Rasa Itali diilhamkan oleh Milano

Penambahan edisi terhad rangkaian *Ispirazione Italiana* 2023 oleh **Nespresso** ini dinamakan *Milano Intenso*, yang dicipta untuk membolehkan para penggemar kopi untuk meraikan bandar Milan yang penuh warna warni. Dengan keseimbangan antara nota buah-buahan dan sedikit kilauan rempah, kopi tersebut akan membawa peminumnya ke destinasi penuh warisan artistik, gaya hidup penuh mewah, dan rasa yang unggul. *Milano Intenso* merupakan epitome keanggunan, sejarah, dan kepakaran kopi Itali.

Menghidupkan deria rasa dengan kombinasi klasik nota bijirin panggang dan koko, para peminum kopi akan dapat merasai roti dan coklat gelap dengan setiap hirupan. **Nespresso** mengesyorkan kopi ini dinikmati sebagai kopi kapucino, di mana nota-noda lada, beri dan buah-buahan dapat dirasai. Ia menggunakan teknik panggang *split roast*, di mana sebahagian besar biji kopinya dipanggang sederhana, manakala selebihnya yang terdiri daripada biji kopi Robusta dipanggang sehingga sangat gelap.

Hayati budaya Itali dengan pilihan aksesori yang direka dengan elegan

Koleksi edisi terhad ini terdiri daripada satu set edisi terhad cawan espresso berwarna hitam dan emas matte, yang membolehkan peminum kopi menikmati minuman mereka dengan penuh gaya. Para penggemar kopi juga boleh mendapatkan mesin kopi **Nespresso** CitiZ edisi terhad dengan sentuhan Itali - dibaluti karya seni menarik yang mengingatkan kepada Villa Necchi Campiglio di Milan dan sesuai digunakan untuk menikmati rangkaian kopi *Ispirazione Italiana Nespresso*, termasuklah *Milano Intenso*.



Para penggemar kopi kini boleh menikmati kopi dengan penuh gaya dengan koleksi edisi terhad *Ispirazione Italiana* yang dihasilkan melalui kerjasama dengan Chiara Ferragni. *Ispirazione Italiana*



Milano Intenso boleh didapati dengan harga RM3.20 per kapsul, manakala set dua cawan espresso berwarna hitam dan emas matte pula boleh didapati dengan harga RM159.

Penggemar kopi juga boleh membawa pulang mesin kopi **Nespresso** CitiZ pada harga RM999.

Untuk lebih banyak video dan gambar berkaitan, sila klik [di sini](#).

Koleksi edisi terhad tersebut boleh didapati di The Gardens Mall, 1 Utama Shopping Centre, Sunway Pyramid, Pavilion Kuala Lumpur, 163 Retail Park, Mont Kiara and Gurney Plaza, Penang; selain melalui aplikasi mudah alih **Nespresso**, laman web rasmi **Nespresso** (www.nespresso.com) dan melalui Talian Khidmat Pelanggan kami di 1800 80 7001 (waktu operasi: setiap hari dari 08:00 hingga 22:00, bebas tol). Ikuti [@nespresso.my](#) untuk mengikuti semua berita terkini *Nespresso*.

- TAMAT -

Mengenai Nestlé Nespresso SA

Nestlé Nespresso SA merupakan pelopor dan sumber rujukan untuk kopi kapsul yang paling berkualiti. Syarikat ini bekerjasama dengan lebih 140,000 orang petani dari 18 buah negara melalui program AAA Sustainable Quality™ yang menggalakkan amalan penanaman mampan di ladang pertanian serta kawasan lanskap di sekitarnya. Dilancarkan pada tahun 2003 dengan kerjasama *The Rainforest Alliance*, program ini membantu meningkatkan jumlah hasil dan kualiti tanaman, memastikan bekalan kopi berkualiti tinggi yang mampan serta mempertingkatkan kehidupan para petani dan komuniti mereka.

Pada tahun 2022, Nespresso telah diiktiraf dengan akreditasi global B Corp™, dengan itu menyertai 49,000 syarikat dalam komitmen untuk dipimpin oleh tujuan yang berprinsip dan merangkumi segala standard dan kriteria tinggi B Corp berkenaan aspek amalan alam sekitar dan sosial korporat.

Berpusat di Lausanne, Switzerland, **Nespresso** beroperasi di 81 buah negara dan mempunyai 13,000 orang pekerja. Ia juga mengoperasikan rantaian runcit sedunia dengan 802 buah butik pada 2021. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web korporat **Nespresso**: <https://nestle-nespresso.com/>.

Mengenai Chiara Ferragni

Chiara Ferragni merupakan seorang usahawan dan ikon fesyen global dari Itali.

Kerjaya Chiara bermula pada tahun 2009 apabila beliau melancarkan blog gaya peribadi beliau, *The Blonde Salad*. Penjenamaan peribadi beliau yang kukuh melalui media sosial membolehkan beliau mendapat tempat di ruang digital serta pengikut yang ramai. Kini, beliau mempunyai lebih daripada 28 juta pengikut di Instagram.

Chiara telah bekerjasama dengan pelbagai jenama fesyen dan telah menghiasi kulit pelbagai majalah fesyen popular di serata dunia termasuklah *Vogue*, *Vanity Fair*, dan *InStyle*. Beliau juga tersenarai dalam senarai “30 Orang Berpengaruh Bawah 30 Tahun” oleh *Forbes* pada tahun 2015 dan diakui sebagai salah seorang personaliti paling berpengaruh dalam industri fesyen.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Saarah Jasmine

Assistant PR Manager

Nespresso Malaysia

Address: Level 22, 1 Powerhouse, No.1 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +6017-394 4018

Email: SaarahJasmine.Khairudin@nespresso.com

Arisya Azimi / Douglas Tan / Jacqueline Khoo

BCW Malaysia

Mobile: +60 17-303 1965 / +6016-375 3703 / +6016-453 8183

Email: MYNespresso@bcw-global.com